

Bahagian A

[20 markah]

Soalan 1 hingga 10

A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**.

Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan yang paling sesuai. (10%)

1. Jia Yu memakai _____ semasa membonceng motosikal.
a. tali pinggang c. alat penahan
b. topi keledar d. lampu isyarat
2. Su San dan Sin Hui makan _____ yang manis semasa menyambut Perayaan Dongzhi.
a. kek c. donut
b. gula-gula d. tang yuan
3. "Marilah _____ pergi bermain bola sepak di padang bersama-sama," ajak Vasant kepada Mithraan dan Adeeb.
a. saya c. kita
b. mereka d. kamu
4. "Kamu suka minum air kelapa _____ moru?" tanya Albert tanya Ruban.
a. dan c. serta
b. atau d. dengan
5. Ching Wen pergi ke _____ untuk menonton wayang.
a. restoran c. kedai alat tulis
b. taman bunga d. panggung wayang
6. Jayna mencatat perbelanjaannya _____ rekod perbelanjaan bulanan.
a. dari c. dalam
b. hingga d. daripada
7. Jia En suka bermain permainan pembelajaran Bahasa Melayu _____ telefon bimbit.
a. dengan c. kepada
b. tentang d. terhadap
8. Wei Liang menyimpan buah-buahan dan sayur yang berlebihan di dalam _____ supaya tidak rosak.
a. rak kasut c. peti sejuk
b. almari baju d. mesin basuh
9. Ibu Ze Ming _____ perniagaan secara dalam talian.
a. menghantar c. menjalankan
b. menunjukkan d. menjimatkan
10. Qazrina membuka akaun simpanan di _____.
a. bank c. pejabat pos
b. sekolah d. perpustakaan
11. Tong Shern dan Hui Xuan yang ringan tulang selalu membaca surat khabar dan buku rujukan.
Pilih **perkataan sinonim** bagi ringan tulang.
a. pemalas c. rajin
b. kreatif d. berat tulang

12. Sebagai pembeli, Xiu Ming dan Qu Xuan sentiasa berjimat dalam perbelanjaan.

Pilih **perkataan antonim** bagi berjimat.

- a. berboros c. bergerak
- b. berbelanja d. berpatutan

13. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I. Chong Fu suka mengumpulkan kraf tangan ukiran kayu kerana dia amat meminati seni ukiran kayu.
 - II. Liyana sentiasa melakukan kerja rumah tetapi dapat meringankan beban ibu bapa.
 - III. Elisabeth rajin menabung apabila menambahkan wang simpanannya.
 - IV. Jia Qi yang kreatif telah menggunakan balang kaca untuk menghasilkan terarium.
- a. I dan II c. III dan IV
 - b. II dan III d. I dan IV

14. Kok Pin menjaga keselamatan semasa melintas jalan raya kerana _____.

Pilih **peribahasa** yang sesuai bagi mengisi tempat kosong.

- a. malang tidak berbau c. murai dicabut ekor
- b. bagai ikan pulang ke lubuk d. katak di bawah tempurung

Soalan 15

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberi.

15. Apakah fungsi cincin pintar?

- a. Cincin pintar sangat mahal.
- b. Tidak, cincin pintar sangat kecil dan ringan.
- c. Cincin pintar tidak berfungsi dan tidak berguna.
- d. Fungsi cincin pintar ialah boleh menerima panggilan telefon, menyimpan memori, menghantar mesej teks, mendengar muzik dan mengambil gambar.

Soalan 16

Pilih ayat yang **betul**.

16. a. Ibu Rupa menjahit baju kurung padi masa lapang.
b. Hayani bukan menyertai pertandingan syarahan.
c. Dermawan itu memberikan bantuan daripada mangsa banjir.
d. Pembersih vakum dapat menyedut habuk dan kekotoran.

Soalan 17 hingga 20

B. Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lawatan Ke Rumah Warga Tua Alor Gajah, Melaka

Tarikh : 28 Julai 2021
Masa : 8.00 pagi
Bayaran : RM25 (Tambang bas dan makan tengah hari)
Bilangan peserta : 25 orang
Anjuran : Kelab Kebajikan Sekolah

Para peserta boleh mendermakan makanan dan pakaian kepada warga tua.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi: Cikgu Fatima

(Guru Penasihat Kelab Kebajikan Sekolah)

17. Bilakah lawatan ini diadakan?

- a. Lawatan ini diadakan pada 28 Julai 2021.
b. Bayaran lawatan ini adalah sebanyak RM25.
c. Seramai 25 orang murid menyertai lawatan ini.
d. Lawatan ini diadakah oleh Kelab Kebajikan Sekolah.

18. Peserta boleh mendermakan apa kepada warga tua?

- a. Peserta boleh mendermakan buku dan air kepada warga tua.
b. Peserta boleh mendermakan biskut dan beg kepada warga tua.
c. Peserta boleh mendermakan minuman dan beras kepada warga tua.
d. Peserta boleh mendermakan makanan dan pakaian kepada warga tua.

19. Berapakah bayaran untuk lawatan ini?

- a. Bayaran untuk lawatan ini adalah sebanyak RM28.
b. Bayaran untuk lawatan ini adalah sebanyak RM27.
c. Bayaran untuk lawatan ini adalah sebanyak RM26.
d. Bayaran untuk lawatan ini adalah sebanyak RM25.

20. Peserta boleh menghubungi siapa untuk keterangan lanjut?

- a. Peserta boleh menghubungi Cikgu Fatima untuk keterangan lanjut.
b. Peserta boleh menghubungi Cikgu Alisa untuk keterangan lanjut.
c. Peserta boleh menghubungi Cikgu Nuryn untuk keterangan lanjut.
d. Peserta boleh menghubungi Cikgu Nadhira untuk keterangan lanjut.